

# Jangan pandang ringan perbuatan plagiat — PM

Oleh  
G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 11 Mac — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu pihak berkuasa universiti tempatan memandang ringan kegiatan memplagiat sebagaimana dilaporkan berlaku di Universiti Malaya (UM).

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak suka amalan itu kerana ia tidak baik dalam perkembangan pendidikan negara ini.

“Kita tidak suka pada amalan plagiat. Ini tidak baik... kita tidak seharusnya meringan-ringankan perkara ini,” kata beliau kepada para pemberita selepas menerima kad ucapan Hari Raya Aidilfitri gergasi daripada kanak-kanak yang dirawat di Institut Pediatrik di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas kejadian memplagiat membabitkan seorang pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Universiti Malaya.

Ketika ditanya sama ada siasatan perlu dijalankan oleh universiti berkenaan supaya tindakan boleh diambil, beliau berkata, ia terpulang kepada pihak berkuasa universiti itu untuk menyiasat perkara itu.

“Terpulang kepada mereka (UM) untuk menjalankan siasatan mengenai perkara itu,” katanya.

Majlis UM yang bersidang semalam memutuskan bahawa pihak universiti tidak akan campur tangan dalam isu plagiat yang membabitkan salah seorang kakitangan akademik institusi pengajian berkenaan.

Sebaliknya majlis itu yang selama ini menganggap isu itu sebagai isu dalam an universiti akan membiarkan ia diselesaikan di mahkamah atas alasan ia kini bertukar menjadi isu peribadi pihak-pihak tertentu.

Bagaimanapun menurut Naib Canselor UM, Datuk Dr. Abdullah Sanusi, cadangan penubuhan jawatankuasa khas akan diteruskan tetapi fungsinya adalah umum dan tidak akan menumpukan kepada kes-kes tertentu.